

Newspaper	Utusan Melayu
Date	05/08/17B

## Dr. M diperalat DAP, hina Melayu

UM-5/8/2017 P3.7

**KUALA LUMPUR 4 Ogos** - Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad jelas menjadi alat kepada DAP apabila secara terang-terangan menghina Melayu menerusi temu bual bersama sebuah portal berita berbahasa Inggeris, semalam.

Presiden Jaringan Melayu Malaysia, Datuk Azwanddin Hamzah (**gambar**) berkata, perbuatan Dr. Mahathir itu menunjukkan perjuangannya dalam Pakatan Harapan semakin hilang hala tuju.

Malah, katanya, kalangan Melayu di negara ini juga sudah pun menyedari mengenai penipuan demi penipuan yang dilakukan oleh Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) tersebut.

"Nampak sangat dia sudah diperalat DAP dan melakukan penipuan. Dr. Mahathir sebenar-

nya lupa dengan apa yang dicakapkan olehnya," kata Azwanddin kepada *Utusan Malaysia* ketika dihubungi di sini hari ini.

Beliau mengulas kenyataan Dr. Mahathir yang dikatakan menghina Melayu dalam satu temu bual bersama portal bahasa Inggeris, semalam.

Dalam temu bual tersebut, Dr. Mahathir mengakui bahawa Melayu yang telah menggunakan dirinya sepanjang 22 tahun berkhidmat sebagai Perdana Menteri sebaliknya mempersoalkan sama ada terdapat perkara-perkara buruk yang pernah dilakukannya jika beliau menggunakan UMNO.

Sementara itu, Pengerusi Pertubuhan Kebajikan Serantau Muslim, Dr. Raja Ahmad Iskandar Raja



Ahmad Yaacob berkata, Dr. Mahathir tidak wajar mengungkit mengenai jasanya kepada orang Melayu sepanjang menjadi Perdana Menteri sebaliknya hal itu merupakan tanggungjawab dirinya kepada rakyat.

Malah, katanya, semanganya tugas sebagai Perdana Menteri adalah memberi khidmat kepada rakyat dan tugas itu bukan sesuatu yang perlu diungkit atau dipertikaikan di kemudian hari.

"Dr. Mahathir tidak perlu mengungkit dan mendabik dada dengan jasa yang pernah diberikannya kepada orang Melayu. Tugas yang dipikulnya itu bukan satu yang memalukan sebaliknya memberi khidmat kepada masyarakat," ujarnya.